



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/03/07\_14 (HQ)

### TNB PULIHKAN BEKALAN DAN HULUR BANTUAN MANGSA BANJIR

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** sedang giat memulihkan bekalan elektrik di daerah-daerah di Johor dan Pahang yang terjejas akibat banjir dengan keselamatan awam sentiasa menjadi pertimbangan utama dalam usaha pemulihan bekalan.

Sehingga jam 8 pagi hari ini, TNB telah dapat menyambungkan semula bekalan secara berperingkat, 70.68% daripada kawasan terjejas di Johor telah berjaya dipulihkan, Pahang (92.69%) manakala Melaka dan Negeri Sembilan telah pulih sepenuhnya.

Menurut Ketua Pegawai Kawal Selia dan Pengurusan Stakeholder (Chief Regulatory & Stakeholder Management Officer) TNB, Datuk Ts. Shamsul Ahmad, warga kerja barisan hadapan TNB sedang bertungkus lumus di lapangan supaya bekalan dapat disalurkan secara berperingkat, bergantung kepada akses dan keadaan setempat.

“Dalam suasana banjir terutama premis yang dinaiki air, orang ramai dinasihatkan agar berhati-hati menggunakan peralatan elektrik dan suisnya. Jangan menyentuhnya dengan tangan basah dan lembap kerana boleh menyebabkan renjatan elektrik,” katanya ketika meninjau keadaan semasa banjir di Negeri Johor semalam (6 Mac 2023).

Terdahulu beliau menyampaikan maklumat terkini kepada Mesyuarat Task Force Banjir di Negeri Johor yang dipengerusikan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur Negeri Johor, Ir. Ts. Mohamad Fazli Mohamad Salleh di Bilik Mesyuarat Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Muar.

Shamsul kemudian menyerahkan bantuan kotak makanan TNB kepada mangsa-mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Agama Seri Maimon, Batu Pahat dan menziarahi keluarga mangsa banjir yang juga warga kerja TNB, Mohd Ridzwan Mohd Shah, di Kangkar Tebrau, Johor Bahru.

TNB sentiasa peka dan turut bersimpati dengan keperitan rakyat yang sedang diuji bencana dan memastikan bekalan ke semua PPS berada dalam keadaan baik dan berdaya harap sambil menghulurkan bantuan makanan kepada beberapa PPS di Muar, Batu Pahat dan Johor Bahru.

Selain bantuan makanan, TNB juga memperuntukkan RM50,000 bantuan kewangan dan barang keperluan kepada mangsa banjir di Johor sebagai tambahan kepada kira-kira RM1.73 juta untuk kos penyediaan 45 set janakuasa bergerak yang dihantar ke Johor bagi membantu negeri itu yang dilanda banjir.

Shamsul berkata, TNB akan segera memberikan semula bekalan elektrik sebaik keadaan infrastruktur dan keselamatan premis pengguna mengizinkan, dengan pemeriksaan menyeluruh pendawaian perlu dilakukan oleh kontraktor berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) demi keselamatan mereka.

"Bekalan tidak boleh disambung begitu sahaja kerana penduduk perlu memastikan keadaan rumah mereka bersedia menerima bekalan elektrik. Pendawaian dan peralatan elektrik yang ditenggelami air mungkin terjejas serta perlu dibersihkan dan diperiksa terlebih dahulu bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini," katanya.

Di pihak TNB pula, katanya, tindakan utama ialah memulihkan pencawang dan aset lain seperti tiang tumbang dan membaik pulih kabel dengan mengujinya untuk memastikan ia selamat bagi menyalurkan bekalan.

TNB juga menasihati pengguna di kawasan banjir untuk sentiasa mematuhi arahan pihak berkuasa dan menghubungi TNB Careline di talian 15454 jika ada pepasangan TNB yang beralih atau tumbang.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 07 Mac 2023, jam 3:00 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /  
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

S.A. 2023/03/07\_14 (HQ)



Ketua Pegawai Kawal Selia dan Pengurusan Stakeholder (Chief Regulatory & Stakeholder Management Officer) TNB, Datuk Ts. Shamsul Ahmad (empat, kanan) dan Pengurus Besar TNB Johor, Mohamed Noh Md Seth (tiga, kanan) menyerahkan bantuan kotak makanan TNB kepada seorang daripada mangsa bencana banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Agama Seri Maimon.

S.A. 2023/03/07\_14 (HQ)



Ketua Pegawai Kawal Selia dan Pengurusan Stakeholder (Chief Regulatory & Stakeholder Management Officer) TNB, Datuk Ts. Shamsul Ahmad (diri, kiri) bermesra dengan kanak-kanak yang berada di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Agama Seri Maimon, Batu Pahat semalam (6 Mac 2023).